



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP MENAIKTARAF SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL BINTULU SARAWAK

BINTULU, SARAWAK – Kerajaan MADANI melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini menyerahkan satu lagi projek milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berjaya disiapkan 49 hari lebih awal daripada tarikh siap asal tanpa EOT.

2. Projek bernilai RM21.509 juta ini dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), JKR Malaysia di mana ianya telah dimulakan pada 04 Julai 2023 dan berjaya disiapkan pada 11 April 2025. Projek ini dilaksanakan secara Konvensional Perunding oleh kontraktor yang dilantik iaitu Asarajaya Sdn. Bhd. Antara skop utama projek melibatkan:

- Kerja-Kerja Cerucuk
- Blok Seni Kulineri, Fesyen dan Kursus Kosmetologi
- Blok Elektrik, Elektronik, CAD, Mock Office and Wiring
- Blok Teknologi Automotif
- Blok Pemesinan Industri
- Blok Teknologi Pembinaan
- Blok Teknologi Kimpalan
- Built-in Furniture
- Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrik
- Kerja Luaran (Sivil)

3. Pelaksanaan projek ini membuktikan usaha berterusan Kerajaan MADANI bagi meningkatkan ekosistem pembelajaran dan pengajaran negara melalui pembinaan infrastruktur pendidikan yang moden, berkualiti dan kondusif yang menyokong kecemerlangan pelajar.

4. KKR melalui JKR Malaysia terus komited menyokong pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat melalui pembinaan infrastruktur pendidikan yang berkualiti dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kesejahteraan, inklusiviti dan kemampunan. Usaha ini diharap dapat membentuk rakyat MADANI yang berilmu, progresif dan berdaya saing.

5. Saya meminta JKR Malaysia untuk terus memantau dan bekerjasama dengan pihak kontraktor dalam melunaskan tanggungjawab menyelesaikan aduan kecacatan seberapa segera dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

#Tamat#

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
18 OGOS 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANibekerja